

Latih ahli agama dengan ilmu falsafah, sosiolinguistik

Oleh Dr Nor Hanani Ismail

Dalam era globalisasi dan teknologi maklumat ini, ahli agama menghadapi pelbagai cabaran dalam menyampaikan ajaran agama dengan berkesan. Penguasaan ilmu falsafah, terutama pendekatan logik dan rasional serta sosiolinguistik dan wacana tekstual adalah penting bagi ahli agama untuk berinteraksi dengan masyarakat semakin kritis dan berbilang budaya.

Pendekatan logik dalam falsafah membabitkan penggunaan penalaran sistematik dan kritis untuk menganalisis idea dan penghujahan, sekali gus membantu ahli agama untuk berfikir secara objektif dan menyusun hujah mereka dengan lebih meyakinkan.

Objektif dalam falsafah merujuk kepada keupayaan untuk melihat sesuatu isu atau idea dengan ketelusan dan tanpa dipengaruhi bias atau emosi peribadi.

Ulama terdahulu seperti Imam al-Ghazali dan Ibnu Rushd sering menekankan kepentingan objektiviti dalam kajian falsafah serta teologi. Mereka percaya pemikiran objektif adalah kunci untuk memahami kebenaran dan membezakan antara fakta dengan pendapat.

Objektiviti membantu ahli agama memberikan panduan lebih berasas dan adil kepada masyarakat, terutama dalam isu membabitkan kepelbagaian pandangan serta kepercayaan.

Sosiolinguistik pula adalah kajian mengenai bagaimana bahasa digunakan dalam konteks sosial dan bagaimana ia dipengaruhi faktor sosial seperti budaya, nilai, serta identiti.

Pendekatan ini membantu ahli agama memahami

bagaimana bahasa dan wacana agama boleh disesuaikan dengan konteks tempatan, sekali gus bagaimana ia mempengaruhi serta dipengaruhi masyarakat.

Selain itu, sekiranya wujud isu penafsiran teks agama bersifat diskriminatif juga menunjukkan keperluan untuk memahami wacana tekstual. Ahli agama menguasai sosiolinguistik dapat menilai semula teks berkenaan dengan mengambil kira konteks sejarah dan budaya asalnya serta menyesuikannya dengan nilai moden dan sejagat seperti keadilan dan kesaksamaan.

Al-Biruni, iaitu sarjana dan pengembara Islam terkenal dari abad ke-11, menunjukkan pendekatan sangat objektif dan teliti dalam karya beliau, *Kitab al-Hind*.

Dalam karya ini, al-Biruni mendokumentasikan budaya, agama dan adat resam masyarakat India dengan cara teliti serta tanpa prasangka. Beliau menggunakan pendekatan empirikal dan logik untuk mengkaji dan memahami kepercayaan serta amalan budaya masyarakat tempatan.

Al-Biruni menghabiskan masa panjang untuk mempelajari bahasa Sanskrit dan mendalami teks keagamaan Hindu. Beliau mengutamakan pemahaman mendalam dan tepat terhadap budaya dikajinya serta menghormati perbezaan budaya tanpa sebarang prejudis.

Pendekatan ini menunjukkan bagaimana seorang sarjana

Muslim dapat mendekati budaya asing dengan keterbukaan dan rasa hormat sambil tetap berpegang pada prinsip Islam.

Pendekatan Al-Biruni ini boleh menjadi contoh kepada ahli agama

masa kini dalam mempromosikan dialog antara budaya dan agama. Dengan mengaplikasikan pendekatan sama, ahli agama dapat memupuk hubungan lebih harmonis dan saling menghormati antara masyarakat pelbagai agama di negara ini.

Penguasaan sosiolinguistik juga penting untuk mempromosikan nilai tempatan dan menyesuaikan ajaran agama dengan budaya setempat. Ahli agama memahami nilai dan norma tempatan dapat menyampaikan ajaran agama dengan cara lebih relevan serta mudah diterima masyarakat.

Baru-baru ini, timbul kontroversi apabila jabatan agama menganjurkan lawatan ke kuil sebagai sebahagian latihan *interfaith* untuk pegawai agama. Inisiatif ini bertujuan memupuk kefahaman penganut antara agama dan mempromosikan keharmonian antara masyarakat pelbagai agama.

Namun, langkah ini menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan masyarakat dengan sebahagian pihak menyokong usaha berkenaan sebagai satu langkah positif ke arah toleransi, manakala yang lain melihatnya sebagai tindakan bertentangan dengan prinsip agama Islam.

“Dalam menghadapi cabaran dan isu semasa, penguasaan ilmu falsafah dan linguistik adalah penting bagi ahli agama. Sumber utama Islam, iaitu al-Quran dan sunnah serta pandangan ulama turath dan kontemporari, harus menjadi prinsip utama dalam menangani semua isu”

Memahami analisis masyarakat

Justeru, pendekatan sosiolinguistik dan logik sangat diperlukan dalam situasi ini untuk membantu ahli agama mengemukakan hujah meyakinkan mengenai kepentingan dialog penganut antara agama.

Ahli agama boleh menggunakan logik untuk membina hujah menjelaskan manfaat jangka panjang dari inisiatif ini dan menggunakan sosiolinguistik untuk memahami reaksi masyarakat serta menyesuaikan komunikasi mereka bagi menurangkan salah faham.

Dalam menghadapi cabaran dan isu semasa, penguasaan ilmu falsafah dan linguistik adalah penting bagi ahli agama. Sumber utama Islam, iaitu al-Quran dan sunnah serta pandangan ulama turath dan kontemporari, harus menjadi prinsip utama dalam menangani semua isu.

Pendekatan logik dan rasional dalam falsafah membantu ahli agama berfikir secara objektif dan berlandaskan fakta, manakala sosiolinguistik serta wacana tekstual memberikan kefahaman mendalam mengenai konteks sosial dan budaya masyarakat.

Tambahan pula, penggunaan *qalb* (hati) dalam memahami ilmu benar (*haq*) melalui pendekatan *tazkiyah al-nafs* (penyucian diri) adalah penting bagi ahli agama dalam memastikan keikhlasan serta ketulusan dalam usaha memahami dan menyampaikan ajaran agama.

Dengan menyucikan jiwa dan meningkatkan kesedaran rohani, ahli agama dapat lebih peka terhadap keperluan masyarakat serta memberi panduan lebih efektif dan relevan.

Dalam usaha mengukuhkan peranan ahli agama, latihan dan pendidikan dalam bidang falsafah serta sosiolinguistik perlu diberikan penekanan. Institusi agama disarankan menyediakan program latihan menekankan kemahiran analisis kritikal dan pemahaman konteks sosial.

Kerjasama antara institusi agama dengan budaya juga perlu dipertingkatkan untuk membangunkan modul pendidikan mengambil kira kepelbagaian budaya dan bahasa di negara ini.

Dengan mengaplikasikan pendekatan ini, ahli agama di negara ini akan lebih berupaya untuk memimpin dan membimbing masyarakat ke arah lebih harmoni serta berdaya tahan.

Pendekatan logik dan sosiolinguistik bukan sahaja akan memperkaya pemahaman agama tetapi juga mempromosikan dialog antara budaya serta agama, sekali gus menjadikan Malaysia sebagai contoh keharmonian dan toleransi patut diteladani.

Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian
Bahasa, Tamadun
dan Falsafah (SLCF),
Universiti Utara
Malaysia (UUM)

